

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
KAWASAN : KOTA MELAKA

SOALAN:

YB. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan dalam RMK-10 yang disalurkan ke negeri Melaka untuk pembinaan jalan-jalan baru:-

- (a) namakan jalan ini dengan jarak jalan dan kos setiap jalan;
dan
- (b) adakah ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Raya Melaka dan nyatakan cadangan untuk pembinaan jalan baru di negeri Melaka dalam RMK-11.

JAWAPAN:

(a dan b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 projek pembinaan jalan utama di Negeri Melaka dengan nilai kos projek keseluruhan sebanyak RM428.3 juta yang telah diluluskan di bawah kementerian ini dalam tempoh RMKe-10 (2011 – 2015) .

Projek-projek tersebut ialah seperti berikut:

1. Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Fasa 1 - Pembinaan Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC; 2.8 km). Kos projek: RM338 juta. Peringkat pembinaan 24%;
2. Menaiktaraf Jalan Dari Persimpangan Seri Negeri – Persimpangan Jalan Tun Hamzah – Kampung Tun Razak – Kampung Bukit Katil – Persimpangan Duyong – Persimpangan AMJ Jambatan Duyong (Fasa 1 – Persimpangan Gapam – JPJ Bukit Katil; 4.5 km). Kos projek: RM15 juta. Peringkat pembinaan 84%.
3. Projek Menaiktaraf Jalan FT33 Dari Paya Rumput - Sungai Udang, Melaka; 10 km. Kos projek: RM75.3 juta. Peringkat reka bentuk.

Untuk tempoh RMKe-11 (2016 – 2020), kementerian ini juga telah memohon 13 projek baru untuk dipertimbangkan oleh Agensi Pusat. Antara projek baru yang utama di Melaka yang dipohon ialah Projek Menaik Taraf Jalan Pantai Negeri Melaka, iaitu dari Kuala Linggi – Masjid Tanah – Sungai Udang – Klebang – Limbongan – Jalan Pantai – Jambatan Syed Abdul Aziz – Alai – Telok Mas (kos projek: RM1.1 bilion), Menaik taraf Jalan Bemban – Jasin – Tangkak (RM230 juta), dan Membina 6 persimpangan bertingkat di Lebuhraya AMJ (RM925 juta).

Pelaksanaan projek-projek RMKe-10 dan cadangan projek-projek baru dalam RMKe-11 itu dijangka akan membantu untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.